

19/01/2000

Memorial Tun Hussein Onn jadi tarikan baru

KUALA LUMPUR, Selasa - Projek Memorial Tun Hussein Onn di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jalan Datuk Onn di sini, akan menjadi daya tarikan baru pelancongan di ibu kota.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata memorial berharga RM35 juta itu juga meliputi Galeri Perdana yang memuatkan pejabat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

"Projek Memorial Tun Hussein Onn akan dimulakan Februari depan. Bangunan berkenaan sedang diubah suai dan dalam proses mengumpul artifak," katanya kepada pemberita selepas majlis tahlil di Memorial Tun Abdul Razak di sini hari ini. Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Abdul Kadir berkata, projek Memorial Tun Hussein Onn pada awalnya dianggarkan RM10 juta, tetapi meningkat berikutan pembinaan Galeri Perdana dalam bangunan yang sama.

"Antara ruang lain yang turut dimuatkan dalam Galeri Perdana ialah bilik mesyuarat Kabinet, Pejabat Pustaka Perkhidmatan Awam dan Pejabat Ketua Setiausaha Negara," katanya.

Beliau juga berkata projek pembesaran Memorial Tun Abdul Razak sudah siap dengan kos RM7 juta dan pihaknya sedang menunggu tarikh sesuai untuk Dr Mahathir merasmikannya.

(END)